

TEKS PERBAHASAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2016

**USUL PEMBINAAN JABATAN DAN PORTAL WEB PERMOHONAN PEKERJAAN
DI DALAM NEGERI PULAU PINANG BAGI MEMBANTU RAKYAT NEGERI
MENDAPAT PEKERJAAN DI DALAM NEGERI**

DUN memohon pentadbiran kerajaan negeri untuk menubuhkan satu agensi/jabatan berdasarkan kerajaan negeri untuk membantu dan menjadi satu jalan untuk rakyat negeri ini mendapatkan pekerjaan yang terdapat di negeri ini. Sama ada di sektor pentadbiran kerajaan negeri atau kekosongan di pihak bukan kerajaan negeri seperti syarikat yang ada di negeri ini.

DUN mengatakan kerajaan negeri boleh menjadi pemudah cara untuk rakyat negeri ini mendapatkan pekerjaan. Sama ada tenaga kerja atau buruh professional mahupun kasar. Hal ini demikian kerana masalah pengangguran adalah tinggi di seluruh negara. Selain dari Jabatan Perkhidmatan Awam di peringkat persekutuan. Pulau Pinang boleh menjadi contoh negeri yang mempunyai khidmat pemudah cara mencari pekerjaan dan sekali gus membantu rakyat negara ini untuk hidup dengan sejahtera.

DUN menggesa bahawa penubuhan agensi/jabatan ini dilakukan dengan cara teknokrat dan meritokrasi, jawatan di dalam agensi ini haruslah dipegang oleh mereka yang layak dan pemilihan dilakukan dengan betul. Agensi/jabatan dan portal web ini boleh menghimpunkan semua jabatan kerajaan negeri untuk mencari pekerja dan ia lebih memudahkan jabatan tersebut. Pihak swasta juga dapat mencari pekerja dengan mudah selain itu mendapat seliaan dari kerajaan negeri

DUN merumuskan dengan ada dan tertubuhnya apa yang dicadangkan, pengangguran di negeri ini dapat dikurangkan.

Sekian Terima Kasih

Yang ikhlas

Muhammad Hafiz Bin Mat Hasan
Ahli Sidang Muda 2016